



PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA

(Agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya)

1.	Jawatan / Gred	:	Pereka Gred B9
	Taraf Jawatan	:	Tetap / Kontrak (Interim)
	Klasifikasi Perkhidmatan	:	Bakat Dan Seni
	Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan Dan Profesional
	Jadual Gaji	:	Minimum : RM2,250.00 Maksimum : RM11,110.00
	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	:	RM225.00

Syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis;

[Gaji permulaan ialah pada Gred B9 : RM2,250.00]; atau

- (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Seni Kreatif, Seni Bina Dalaman, Seni Lukis atau Seni Reka yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji permulaan ialah pada Gred B9 : RM2,470.00]

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

2. calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(c)(ii) hendaklah memiliki **kepujian (Sekurang-kurangnta Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.



PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA

(Agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya)

2.	Jawatan / Gred	:	Pelukis Pelan (Seni Bina) / Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA1
	Taraf Jawatan	:	Tetap / Kontrak (Interim)
	Klasifikasi Perkhidmatan	:	Kejuruteraan
	Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
	Jadual Gaji	:	Minimum : RM1,500.00 Maksimum : RM4,680.00
	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	:	RM100.00

Syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual, Lukisan Geometri atau Lukisan Kejuruteraan pada peringkat peperiksaan tersebut.

[Gaji permulaan ialah pada Gred JA1 : RM1,500.00]; atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji permulaan ialah pada Gred JA1 : RM1,561.00]; atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji permulaan ialah pada Gred JA1 : RM1,622.00]

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **kepujian (Sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.



PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA

(Agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya)

3.	Jawatan / Gred	:	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N1
	Taraf Jawatan	:	Tetap / Kontrak (Interim)
	Klasifikasi Perkhidmatan	:	Pentadbiran dan Sokongan
	Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
	Jadual Gaji	:	Minimum : RM1,500.00 Maksimum : RM4,680.00
	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	:	RM100.00

Syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
[Gaji permulaan ialah pada Gred N1 : RM1,500.00]; atau
- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
[Gaji permulaan ialah pada Gred N1 : RM1,500.00]; atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji permulaan ialah pada Gred N1 : RM1,561.00]; atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji permulaan ialah pada Gred N1 : RM1,622.00]

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **kepujian (Sekurang-kurangnta Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.



PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA

(Agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya)

4.	Jawatan / Gred	:	Pembantu Khidmat Am Gred H1
	Taraf Jawatan	:	Tetap / Kontrak (Interim)
	Klasifikasi Perkhidmatan	:	Perkhidmatan Kemahiran (H)
	Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
	Jadual Gaji	:	Minimum : RM1,500.00 Maksimum : RM4,680.00
	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	:	RM100.00

Syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
[Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,500.00] atau

- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
[Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,500.00] atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,561.00] atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,622.00] ;

dan (v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan 1 (b).

Syarat Lantikan Bagi Keperluan Khas (Pemanduan)

- (b) (i) Mempunyai lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyelenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.